

# 50 sertai Program Jelajah Siswatari UMS

Mail Mathew DE 7.12.15 3

TENOM: Seramai 50 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengikuti Program Jelajah Siswatari anjuran Tarian Rakyat Seksyen 1 UMS yang diadakan di Pusat Kebudayaan Murut Sabah (PKMS) selama dua hari di sini, baru-baru ini.

Program tersebut diketuai oleh Ching Fui Ching selaku pengarah projek dengan dibantu oleh jurulatih Tarian Rakyat Seksyen 1 Suhairin Abdul Kadir.

Sementara itu majlis penutupan disempurnakan oleh Naib Ketua Bahagian Umno Tenom Juli Malik di Dewan PMKS, di mana pelbagai persembahan seni tari telah diadakan.

Semasa berucap di majlis itu, Juli berkata, seni tari merupakan aktiviti yang dapat menyemai rasa cinta mahasiswa terhadap warisan dan budaya tari di samping melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani mahupun intelek.

“Syabas dan tahniah kepada para mahasiswa UMS yang berjaya menjalankan aktiviti sebegini yang dapat memberi manfaat dan kebaikan seperti memberi pendekatan tentang seni tari masyarakat Murut,” katanya.

Beliau menambah, program sebegini amat bermakna untuk mencungkil bakat yang terpendam serta mengasah bakat yang sedia ada dalam diri para mahasiswa.

Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa, usaha sedemikian rupa akan membantu pelajar dalam meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri masing-masing.

“Diharapkan agar mahasiswa sentiasa aktif dalam menyertai pelbagai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh pihak UMS sama ada program yang berbentuk kurikulum mahupun kokurikulum pada masa akan datang,” katanya.

Sementara itu, Pengurus PKMS Tenom Soffriezan Yahya turut mengalu-alukan mana-mana pihak untuk datang ke PKMS kerana ia bukan sahaja dapat mempromosikan pusat pelancongan yang berunsur adat dan seni budaya yang ada di daerah ini malah dapat mendedahkan kepada mereka tentang keunikan kepelbagaiannya senibudaya di negeri ini.